Bil ( 03 ) dlm.MPKj/PERO/UB/26/2017

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**
**MENARA MPKj,**
**JALAN CEMPAKA PUTIH,**
**OFF JALAN SEMENYIH,**
**43000 KAJANG,**
**SELANGOR DARUL EHSAN.**

# KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dalam kelas dan jenis pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

| NO. TENDER | TAJUK PROJEK | KELAS/ PENGKHUSUSAN | TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | HARGA DOKUMEN |
|---|---|---|---|---|
| MPKj T 25/2017 | Cadangan Membina Dan Menyiapkan Dewan Komuniti Bandar Bukit Mahkota Di Atas Lot 4240, Jalan BM2/6, Seksyen 2, Bandar Bukit Mahkota, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Kajang. | CIDB G5 B04 | BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKj | RM 424.00 (Termasuk 6% GST) |

1. **KEHADIRAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN**

- Tempat dan Tarikh Melapor Diri Bagi Taklimat :

**Mini Teater Cempaka Telur,**
**Tingkat 6, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,**
**Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

Tarikh : **25 April 2017** Jam : **8.30 pagi hingga 9.30 Pagi** (Pendaftaran)

- **HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) SAHAJA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK & TAKLIMAT**

2. **Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai 25 April 2017 pada waktu pejabat di Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Menara MPKj, Majlis Perbandaran Kajang,Jalan Cempaka Putih Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

1. Dokumen Tender akan dijual mulai dari **25 April 2017** hingga **16 Mei 2017**pada waktu pejabat. Dokumen Tender **TIDAK** akan dijual selepas tempoh ini.

2. Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) SAHAJA yang dibenarkan menghadiri **taklimat dan lawatan tapak.**

3. Hanya **Penama / Wakil** Sahaja yang dibenarkan dalam **urusan pembelian dokumen tender** yang dikeluarkan. (Sila lampirkan surat wakil)

4. Petender yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti mana yang telah ditetapkan. Petender juga **DIWAJIBKAN** mendaftarkan diri pada hari lawatan tapak dan berkumpul di Dewan Mini Teater Cempaka Telur, MPKj mulai **jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi.** Petender hendaklah membawa bersama sijil-sijil berikut **semasa pendaftaran dan pembelian dokumen** dijalankan :-

   i) Perakuan Pendaftaran **Asal** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
   ii) Sijil **Asal** Pengiktirafan Taraf Bumiputera.
   iii) Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
   * Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.

5. Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama Yang DiPertua.

6. Tarikh tutup tender ini ialah pada **16 Mei 2017** bersamaan hari **Selasa** **jam 12.00 tengah hari.**

7. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tawaran di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat seperti berikut :

   **Bahagian Bekalan & Perolehan,**
   **Jabatan Khidmat Pengurusan,**
   **Tingkat 6A, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,**
   **Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**

8. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.